

Penduduk Felda Selancar terkandas

KUANTAN: Lebih 30,000 penduduk di Felda Selancar 1 hingga 5, dekat Rompin terputus hubungan selepas kejadian tanah runtuh di laluan utama berhampiran Jambatan Selancar, awal pagi semalam.

Kejadian kira-kira jam 3 pagi ekoran hujan berterusan sejak beberapa hari lalu menyebabkan air deras Sungai Pukin mengakibatkan hakisan dan tanah runtuh.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputy Superintendan Abdullah Sani Dalat, berkata laluan utama ke Felda Selancar ditutup kepada semua kenderaan sehingga satu tempoh diberitahu kelak.

"Kerja baik pulih kawasan tanah runtuh masih tidak dapat dilakukan setakat ini kerana kawasan berkenaan ditenggelami air agak dalam," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam.

Sementara itu, enam keluarga dari Kampung Rekoh, Rompin, menjadi mangsa pertama di negeri itu yang dipindahkan ke pusat pemindahan banjir berikutan limpahan air Sungai Segamat, pagi semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Pahang berkata, 29 penduduk termasuk 18 kanak-kanak ditempatkan sementara di dewan orang ramai Kampung Rekoh jam 7 pagi semalam.

FAKTA NOMBOR

Jumlah penduduk terkandas

30,000

Felda Selancar 1 hingga 5, dekat Rompin

500

penduduk Orang Asli di Kampung Peta dan Kampung Punan